Menurut Puan Nur Shuhairah Binti Md Desa (tahun 2021), perniagaan secara bersemuka pada era kini yang dilanda wabak covid-19 membuatkan perniagaannya menghadapi kekurangan kakitangan pekerja dan melambatkan proses penghantaran makanan atau minuman kepada pelanggan. Kini, urusan harian perniagaan Cafe Paksy dapat dipermudahkan dengan adanya kemudahan water dispenser yang dapat meringankan beban para pekerja yang masih ada di Cafe Paksy itu, jika pelanggan ingin membuat pesanan air kosong sebagai tambahan menu. Oleh itu, dengan kemudahan water dispenser yang terdapat di Cafe Paksy ini dapat mempercepatkan proses penghantaran makanan atau minuman kepada meja pelanggan. Kami membantu perniagaan Cafe Paksy ini dengan mencipta water dispenser bagi memudahkan para pekerja di Cafe itu melakukan pekerjaan mereka, memandangkan Cafe tersebut kekurangan kakitangan pekerja dan dapat memberi kesenangan kepada kedua dua belah pihak iaitu pemilik Cafe dan juga pelanggan. Dengan ini, kami dapat memuaskan hati para pelanggan dan juga memberikan keuntungan kepada pemilik perniagaan Cafe Paksy.

### **2.2.3 RUMUSAN**

Secara keseluruhannya bab dua telah membincangkan keperluan penciptaan mesin bekas air 'water dispenser' kepada perniagaan yang memerlukan teknologi yang canggih dan keberkesanan mesin bekas air ini kepada perniagaan. Bab ini secara ringkas dibahagikan kepada tiga bahagian tentang mesin bekas air 'water dispenser' Bahagian pertama merupakan kajian terdahulu tentang keperluan mesin bekas air . Keperluan mesin bekas air 'water dispenser' mendapat persetujuan bahawa membangunkan mesin bekas air 'water dispenser' ini amat penting kepada perniagaan untuk berniaga secara profesional dan berdaya saing dengan penggunaan teknologi pada masa kini yang semakin maju ke hadapan .

Bahagian kedua merupakan kajian terdahulu tentang keberkesanan mesin bekas air 'water dispenser' Keberkesanan mesin bekas air membolehkan sesebuah organisasi untuk berniaga dengan lebih efisien dan maju . Mesin bekas air hendaklah mempunyai ciri-ciri yang berteknologi tinggi yang mampu memudahkan urusan pelanggan untuk mengambil air percuma dan memberi kepuasan kepada pelanggan yang menggunakannya . Di samping itu juga, ia boleh menjimatkan kos kerana tidak berlaku pembaziran semasa mengambil air percuma disebabkan ianya lebih selamat dengan fungsi teknologi yang ada . Seterusnya, bahagian ketiga merupakan kajian terdahulu tentang perniagaan secara bersemuka . Perniagaan secara bersemuka merupakan perniagaan yang sangat mencabar kerana memerlukan ketangkasan yang cekap untuk mengendalikan pelanggan yang terlalu ramai . Kini, urusan harian perniagaan secara bersemuka dapat dipermudahkan dengan adanya kemudahan mesin canggih yang dicipta untuk memudahkan urusan peniaga dan pelanggan

## **BAB 3 : METADOLOGI / REKA BENTUK**

### **3.1Pendahuluan**

Bab ini menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini menerangkan tentang prosedur untuk membangunkan Mesin Water Diapenser di Cafe Paksy . Kemudian, penjelasan mengenai penyelidikan yang merangkumi persampelan, perkembangan instrument, teknik pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

### **3.2Reka Bentuk Projek**

#### **3.2.1 Kaedah/Prosedur/Teknik Penghasilan Projek**

Dalam proses menghasilkan mesin “Water Dispenser”, terdapat beberapa langkah yang perlu dijalankan seperti yang berikut:

#### **Langkah-langkah memasang bingkai “Water Dispenser”**

##### **Langkah 1:**

Kenalpasti bahan.



### **Langkah 2:**

Letak papan untuk ultrasonic sensor



### **Langkah 3:**

Siap letak lapik kaki supaya lebih kukuh.




### **Langkah 4:**

Pasang penutup hadapan supaya lebih kemas dan bingkai “Water Dispenser” siap dipasang.




## Bingkai untuk Arduino Board

Bahagian ini diadakan adalah supaya Arduino Board tidak tercemar dan lebih selamat



## Langkah-langkah untuk Arduino

### 1. Konsep Asas Pengawal Mikro



Untuk menjalankan aplikasi berasaskan mikropengawal, anda perlu menyediakan item di bawah:

#### i. Input

Komponen yang mampu menghantar isyarat kepada papan pengawal. ini termasuk modul sensor atau suis had mudah. Kadangkala kita juga boleh menjalankan mikropengawal tanpa sebarang komponen elektronik tetapi pengekodan itu sendiri, seperti LED berkelip atau rutin lampu isyarat

**ii. Papan Mikropengawal (Papan UNO DCCDuino yang diubah suai, kabel usb dan pengawal kuasa)**

Pengawal mikro ialah otak sistem. dengan arahan/pengekodan dimuat naik ke dalamnya, mikropengawal akan bertindak balas mengikut isyarat input dan memberikan beberapa tindak balas output.

**iii. Output**

Ini termasuk komponen seperti led, buzzer, motor servo, atau motor DC

**2. Memuat naik kod ke papan mikropengawal**

**2.1 Memasang IDE Arduino dalam komputer riba/PC.**

Muat turun versi terkini Arduino Integrated Development Environment (IDE) dan pasangkannya pada PC/komputer riba anda. Pastikan anda telah bersetuju untuk memasang semua pemacu arduino semasa proses pemasangan

<https://www.arduino.cc/en/Main/Software>



**2.2 Memuat naik CH341 Chip Driver ke dalam PC/Laptop**

Klik dua kali untuk mengaktifkan proses pemasangan pemacu pada fail **CH341SER.EXE** yang dihantar bersama dalam pakej untuk memasang pemacu cip pada PC/laptop anda juga. Pemacu ini diperlukan untuk

menyediakan komunikasi USB ke papan arduino. Anda akan melihat ralat muat naik jika anda tidak menjalankan langkah ini.

### 2.3 Sediakan modul sensor dan peranti output


Sambungkan modul sensor dan peranti output ke papan mikropengawal menggunakan wayar pelompat.

### 2.4 Menyambungkan Papan Arduino ke PC/Laptop

Menggunakan kabel usb yang disediakan, sila sambungkan kedua-dua hujung kabel ke palam USB Arduino dan PC/Laptop.


### 2.5 Buka aplikasi IDE Arduino dan cari fail kod pada PC/Laptop

Teruskan klik dua kali untuk membuka aplikasi Arduino IDE yang baru pasang dan klik *File>Open* untuk mencari fail pengekodan dalam PC/Laptop.



### 2.6 Sediakan jenis papan dan nombor port USB yang betul


Klik *Tools>Board* dan pilih 'Arduino UNO'




Klik *Tools>Port* dan pilih siaran yang disenaraikan pada menu. Hanya ada satu jika program hanya boleh mencari satu papan Arduino yang disambungkan ke PC/Laptop. Jika terdapat lebih daripada satu, anda perlu




mencuba setiap satu untuk mencari port yang betul disambungkan ke papan Arduino.




Pastikan com port ditick '✓'



## 2.7 Sahkan dan muat naik kod ke papan arduino




Click the '✓' sign to verify




'Done Compiling' shown at end of the verify process

Selepas penyusunan selesai, teruskan klik tanda '→' di sebelahnya. Arahan ini akan memuat naik kod ke dalam papan.




Click the 'v' sign to verify





'Done Compiling' shown at end of the verify process

## 2.8 Buka Monitor Bersiri



### 3. Papan Pengawal Mikro sedang Beroperasi



### **3.2.2 Bahan dan Peralatan**

1. HC SR-04 Ultrasonic Sensor Module
2. TCRT5000 IR Sensor
3. Float Switch
4. 20cm Male to Female Jumper Wire
5. 10cm Male to Female Jumper Wire
6. 3-5V Submersible Water Pump with Tiub
7. 5V Single Channel Relay
8. 2 Way Push Type Terminal Block
9. 2X AA Battery Holder
10. 20cm XH2.54 Connector Cable + 5mm Flashing Led (RGB)
11. Arduino Coding
12. Schematic Diagram

### **3.2.3 Kajian Rintis**

Produk ini telah dibangunkan mengikut keperluan Café Paksy dan dari hasil analisis keperluan melibatkan 14 pekerja di Café Paksy . Produk ini kemudian di uji kaji di Cafétersebut. Seramai 5 responden yang terlibat termasuk Manager di Café Paksy yang mengambil bahagian dalam uji kaji ini.

### **3.2.4 Maklumbalas Kajian Rintis**

Borang soal selidik digunakan untuk mendapat maklumbalas kajian rintis ini. Hasil yang didapati daripada maklum balas menunjukkan bahawa Mesin Water Dispenser ini perlu ada penambahbaikan dari segi penutup wire.

Tidak mempunyai ciri keselamatan yang baik daripada segi kabel wayer kerana ia boleh merosakkan 'arduino board'

### **3.2.5 Penambahbaikan Produk**

Hasil dari maklumbalas kajian rintis, beberapa penambahbaikan akan dilaksanakan dari segi penutupan wire agar mempunyai keselamatan yang baik daripada segi kabel wayer kerana ka boleh merosakkan arduino board

### **3.3 Kaedah Analisis Data**

#### **3.3.1 Borang Soal Selidik**

Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan set soal selidik melalui Google Form kepada pekerja Café Paksy , pokok sena , pulau pinang yang terlibat dengan penggunaan Mesin Water Dispenser. Kaji selidik ini akan mengambil masa selama 5 hari iaitu dari proses mengedarkan set soal kaji selidik sehingga set soal kaji selidik itu telah lengkap di jawab. Soal kaji selidik tersebut telah diberikan kepada ( ) kepada pekerja di Café Paksy

#### **3.3.2 SWOT Analisis**

SWOT Analisis adalah alat yang sangat sederhana namun sangat membantu pengkaji mengembangkan strategi projek. SWOT Analisis membantu pengkaji untuk mambangkan dan mengembangkan projek pengkaji dengan lebih baik lagi. SWOT adalah singkatan daripada Strengths (kekuatan), Weaknesses (kelemahan), Oppurtunities (peluang) dan Threats (ancaman).

#### **3.4 Impak Projek**

Inovasi projek Mesin Water Dispenser diperincikan kepada (3) bentuk impak dari projek yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

##### **a) Impak Projek Terhadap Café Paksy**

Penghasilan projek ini telah membantu Café Paksy serta memberi kemudahan serta kebaikan kepada pengguna di Café Paksy hal ini kerana air tidak mudah tumpah dan mesin dapat berfungsi dengan baik.

##### **b) Impak Produk Terhadap Masa.**

Penggunaan mesin water dispenser telah banyak membantu pekerja dan pelanggan café paksy ke arah penjimatan masa dari segi mengenal pasti bahagian yang terdapat di dalam Mesin Water Dispenser dan proses proses menggunakan mesin Water Dispenser ini . Hal ini akan menjadi lebih mudah berbanding dengan keadaan sebelumnya. Sebelum ini menumpahan air kerap berlaku

### **c) Impak Produk Terhadap Tenaga**

Penggunaan mesin Water Dispenser ini telah membantu ke arah penjimatan tenaga pekerja dari segi pengurusan berbanding dengan keadaan sebelum ini yang menyebabkan pekerja memerlukan penggunaan tenaga yang lebih banyak. Hal ini dapat menjimatkan tenaga pekerja .

### **3.5 Rumusan**

Kesimpulannya, pada bab ini lebih memfokuskan reka bentuk mesin Water Dispenser , proses-proses pembangunan mesin , kajian rintis, penambahbaikan mesin , analisis keberkesanan mesin serta kos-kos yang terlibat dalam penghasilan mesin ini. Selain itu, pada bab ini juga kami berjaya menghasilkan pelbagai analisis untuk memastikan mesin ini diterima oleh para pengguna. Terdapat 3 item yang perlu dianalisis dengan tepat untuk mengetahui kos pembuatan dan keuntungan produk. Akhir sekali kami juga telah mensasarkan penggunaan mesin kami yang terdiri daripada pelanggan cafe Paksy yang menggunakan mesin percuma iaitu water dispenser .



## BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang dapatan kajian, kelebihan aplikasi, kekuatan dan kelemahan mesin, masalah dan penghasilan mesin dan ujikaji-ujikaji yang dijalankan yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan peringkat kedua. Seterusnya ialah analisis kewangan untuk mesin yang menghasilkan iaitu kos yang terlibat serta masa yang diambil untuk membangunkan mesin Water Dispenser ini.

### 4.2 Dapatan kajian/ pengujian

Statistik data daripada soal kaji selidik akan dikumpulkan dan disenaraikan seperti jadual rujukan di bawah:

Maklum Balas dari Responden				
Soalan/jawapan	Setuju		Tidak setuju	
	No	(%)	No	(%)
1. Adakah Water Dispenser ini dapat menjimatkan tenaga kerja?	70	100%	0	0
2. Dengan adanya water dispenser pelanggan tidak perlu mengambil masa lama beratur Panjang untuk mengambil air percuma?	70	100%	0	0
3. pelanggan dapat mengambil air percuma dengan mudah apabila	61	87.1 %	9	12.9

menggunakan Water Dispenser ini?				
4.Isu pembaziran air percuma dapat dielakkan dengan adanya water dispenser ini?	70	100%	0	0
5.Air percuma yang diisi di dalam gelas akan mengeluarkan bunyi apabila telah penuh?	70	100%	0	0
6.Adakah water dispenser ini mudah digunakan?	70	100%	0	0
7.Pekerja di Café Paksy tidak lagi mengambil masa yang lama untuk melayan karenah pelanggan	70	100%	0	0
8.Adakah bahan yang digunakan untuk menghasilkan produk ini sesuai dan berkesan	70	100%	0	0
9.Adakah mesin ini dapat menjimatkan kos pengeluaran bahan untuk membancuh air di Café Paksy	66	94.2 %	4	5.8
10.Sepanjang penggunaan mesin water dispenser ini , adakah mesin ini sesuai diletakkan di Café Paksy?	70	100%	0	0

## SWOT Analisis:

### S – Strength (Kekuatan)

#### a) Dapat memudahkan pelanggan dan pelayan

Penggunaan Water Dispenser ini memudahkan urusan pelanggan dengan hanya meletakkan cawan dibawah sensor dan air akan keluar secara automatik. Pelanggan tidak perlu menekan apa2 butang pada mesin dan sangat mudah digunakan jika tangan dipenuhi barang.

Mesin Water Dispenser ini juga dilengkapi dengan sensor yang berfungsi memberhentikan air jika tiada cawan dibawah sensor. Hal ini akan memudahkan para pelayan dengan tidak perlu lagi mengemop lantai akibat air tumpah.

#### b) Mesin yang kecil dan tidak makan ruang

Mesin water dispenser ini bersaiz kecil dan mudah dialih. Saiznya yang kecil juga memudahkan pemilik restoran untuk letak dimana mana sahaja kerana tidak memakan ruang yang banyak.

### W-Weakness(Kelemahan)

#### a) Tidak mempunyai penutup wire

Tidak mempunyai ciri keselamatan yang baik daripada segi kabel wayer kerana ia boleh merosakkan ‘arduino board’

#### b) Tidak mempunyai penapis air

Mesin ini tidak mempunyai penapis air yang sempurna seperti mesin yang lain.

### O-Opportunities(Peluang)

a) Tidak banyak restoran yang mempunyai Automatik Water Dispenser

Penggunaan Mesin Automatik 'Water Dispenser' ini memberi kelebihan kepada perniagaan Cafe Paksy kerana mesin seperti ini jarang ditemui dimana mana restoran. Mesin Water Dispenser ini merupakan salah satu teknologi hebat yang dapat memudahkan urusan pemilik Cafe Paksy. Oleh itu,

Water Dispenser ini memberi kelebihan kepada perniagaan melibatkan pembaziran air.

### T-Threat(Ancaman)

a) Mesin 'diy' tak secanggih mesin lain

Berkemungkinan 'Water Dispenser' ini akan bertahan dalam masa yang tidak lama kerana RC Motor menggunakan bateri dan tidak mempunyai jangka hayat yang panjang.

## 4P' s Analisis

### Product (Produk)

Mesin ini dilengkapi dengan kelebihan seperti produk yang kecil dan mudah dialih. Dengan ini majikan dan para pekerja tidak perlu bersusah payah mengerah tenaga daripada para pekerja. Ini kerana kami juga telah menggunakan bahan yang ringan bagi memudahkan pihak restoran. Oleh itu, semua pekerja dan pelanggan di Café Paksy boleh menggunakan 'Mesin Water Dispenser' yang telah kami lakukan ini.

### Price (Harga)

- **RM350**

Mesin ini dijual pada harga RM350. Pihak Café Paksy boleh mendapatkan produk ini dengan hanya RM350 sahaja. Mesin

Product (Produk)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Produk yang dibangunkan ialah 'Mesin Water Dispenser' yang merupakan mesin dispenser air secara automatic</li><li>• Tujuan produk ini dibangunkan adalah untuk membantu Café Paksy dalam pemberian air percuma</li><li>• Mesin ini dilengkapi dengan kelebihan seperti produk yang kecil dan mudah dialih. Dengan ini majikan dan para pekerja tidak perlu bersusah payah mengerah tenaga daripada para pekerja</li></ul>
Price (Harga)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Setelah tinjauan dibuat, harga untuk menubuhkan produk ini adalah dalam lingkungan RM300-RM350.</li><li>• Tetapi, produk yang kami bangunkan hanya menelan harga</li></ul>

	sebanyak rm220
Place (Tempat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 'Mesin Water Dispenser' tersebut akan diletakkan di Café Paksy</li> </ul>
Promotion (Promosi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 'Mesin Water Dispenser' ini menjadi salah satu elemen dalam perniagaan Café Paksy dalam memudahkan urusan harian.</li> <li>• Akan diletakkan disudut dalam kedai agar pelanggan dan para pekerja boleh menggunakannya</li> </ul>

### 4.3 Perbincangan ( kelebihan , kekurangan , masalah yang dihadapi Ketika membangunkan produk )

Dari hasil perbincangan, kelebihan Mesin Water Dispenser ini ialah dilengkapi dengan sensor yang

berfungsi memberhentikan air jika tiada cawan dibawah sensor. Hal ini akan memudahkan para

pelayan dengan tidak perlu lagi mengemop lantai akibat air tumpah . Selain itu , Penggunaan Water

Dispenser ini memudahkan urusan pelanggan dengan hanya meletakkan cawan dibawah sensor dan

air akan keluar secara automatik. Pelanggan tidak perlu menekan apa2 butang pada mesin dan sangat mudah digunakan jika tangan dipenuhi barang. kelemahan yang dapat kami senaraikan ialah

Tidak mempunyai penutup wire tidak mempunyai ciri keselamatan yang baik daripada segi kabel

wayer kerana ia boleh merosakkan 'arduino board' . Selain itu juga Water Dispenser ini tidak mempunyai penapis air yang sempurna seperti mesin yang lain.

### 4.4 Kos yang terlibat

Kos pelaksanaan projek merupakan kos yang terlibat bagi menyelesaikan 'Mesin Water Dispenser'

KEPERLUAN	KOS(RM)
Arduino Smart Water Dispenser	160
Perbelanjaan Lain	20
Upah Coding untuk Arduino	40

#### **4.5 Rumusan**

kesimpulan , bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian, perbincangan dan kos yang terlibat bagi membangunkan projek Mesin water dispenser ini . Fokus yang perlu di beri keutamaan dalam bab ini ialah pada bahagian kelebihan, kekurangan dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan Mesin ini. Setiap pembangunan Projek mesti mempunyai kelebihan dan kekurangannya tersendiri .



## **BAB 5 : KESIMPULAN**

### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian Reka Bentuk Water Dispenser yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT dan 4P's (Kekuatan, Kelemahan , Ancaman dan Peluang) serta analisis keberkesanan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan penghasilan Water Dispenser.

## **5.2 Kesimpulan**

Penggunaan produk Water Dispenser ini mempunyai kelebihan yang canggih iaitu ia memudahkan pekerja dan pelanggan untuk mengambil air percuma yang disediakan tanpa berlaku pembaziran disebabkan air yang tumpah di lantai. Ini kerana cafe Paksy mempunyai masalah pembaziran air percuma kerana air yang diambil sering tumpah ke lantai . Oleh itu , antara kelebihan Water Dispenser ini ialah , penggunaan Water Dispenser ini memudahkan urusan pelanggan dengan hanya meletakkan cawan di bawah sensor dan air akan keluar secara automatik . Pelanggan tidak perlu menekan apa-apa butang pada mesin dan sangat mudah digunakan . Mesin Water Dispenser ini juga dilengkapi dengan sensor yang berfungsi memberhentikan air jika tiada cawan di bawah sensor . Selain itu , mesin Water Dispenser ini kecil dan tidak makan ruang yang banyak . Mesin Water Dispenser ini bersaiz kecil dan mudah dialih. Saiznya yang kecil juga memudahkan pemilik Cafe Paksy untuk meletakkan di mana sahaja.

Penggunaan Water Dispenser ini mempunyai kelemahan dari segi tidak mempunyai penutup wire . Hal ini kerana tidak mempunyai ciri keselamatan yang baik daripada segi kabel wayer dan tidak mempunyai penapis air yang sempurna tetapi produk ini dibangunkan untuk membantu memudahkan aktiviti pengambilan air percuma dalam menyelesaikan masalah pembaziran air percuma yang tumpah di lantai. Sistem ini dicipta menggunakan arduino board iaitu salah satu produk dari Arduino yang merupakan sebuah minimum system mikrokontroler yang telah dikemas ke dalam satu board.

Mesin Water Dispenser ini diharapkan mampu berdaya saing dengan baik di pasaran dan membantu memudahkan kerja pengambilan air percuma di Cafe Paksy.

### **5.3 Cadangan**

Mesin Water Dispenser ini mempunyai banyak kelebihan dan berkesan bagi membantu meningkatkan kualiti perniagaan Cafe Paksy . Antara kelebihannya ialah dengan memudahkan para pekerja dan pelanggan mengambil air percuma dengan mudah dan cepat kerana mesin Water Dispenser ini sangat canggih dan sangat mudah digunakan. Antara kekurangan yang terdapat pada mesin Water Dispenser ini ialah tidak mempunyai tangki khas . Oleh itu , setiap kali kehabisan air percuma di dalam mesin Water Dispenser ini , air perlu diisi semula kerana mesin ini tidak mempunyai tangki untuk menyimpan air yang banyak . Mesin Water Dispenser ini juga memerlukan kos yang tinggi kerana bahan yang digunakan untuk mencipta mesin Water Dispenser ini agak mahal dan bahan yang digunakan agak rumit dan agak sukar untuk dicari . Akhir sekali , diharapkan mesin Water Dispenser ini dapat membantu Cafe Paksy dan dapat digunakan oleh semua pelanggan dengan mudah sekaligus dapat menaikkan nama Cafe Paksy kerana mempunyai mesin Water Dispenser yang canggih yang mampu berdaya saing lebih maju dengan restoran lain .

## **5.4 Limitasi Projek**

### **1. Jumlah Analisis Kajian**

Jumlah analisis kajian adalah terhadap . Analisis projek ini hanya dijalankan di kawasan Kepala Batas sahaja. Adalah lebih baik jika analisis ini dijalankan di seluruh restoran pulau pinang .

### **2. Penggunaan Produk**

Mesin Water Dispenser ini hanya dicipta khas kepada pelanggan dan pekerja Cafe Paksy sahaja buat masa ini . Ia mungkin akan dikembangkan untuk restoran lain juga jika mendapat sambutan yang tinggi .

### **3. Instrumen Kajian**

Kajian ini hanya menggunakan satu kaedah pengumpulan data iaitu melalui google form soal selidik . Selain itu , maklumat juga boleh didapati melalui temu bual atau lain-lain kaedah.

## **5.5 Rumusan**

Secara dasarnya kajian ini membincangkan mengenai penghasilan produk mesin Water Dispenser yang dibangunkan untuk kegunaan perniagaan Cafe Paksy . Kajian ini mempunyai bab yang membincangkan mengenai proses membangunkan mesin Water Dispenser ini. Kertas kerja projek ini mempunyai lima bab yang telah dibincangkan . Bab pertama membincangkan mengenai analisis keperluan , objektif projek , persoalan projek , justifikasi kajian , skop projek , kepentingan projek dan istilah projek tentang perniagaan Cafe Paksy. Bab yang kedua pula membincangkan keperluan produk , keberkesanan produk , dan produk perniagaan . Bab yang ketiga pula membincangkan mengenai reka bentuk projek , kajian rintis , maklum balas kajian rintis , penambahbaikan produk dan kaedah analisis data . Bab 4 merangkumi dapatan kajian, swot analisis , perbincangan dari segi Kelebihan, Kekurangan, Masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk dan kos yang terlibat untuk menghasilkan produk mesin Water Dispenser ini . Akhir sekali bab yang kelima iaitu bab yang merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek dan cadangan serta penambahbaikan yang dilakukan oleh pengkaji.

## **RUJUKAN**

1. <https://journal.ipm2kpe.or.id/index.php/INTECOM/article/view/1731>
2. [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=water+dispenser+yang+guna+sensor&btnG=#d=gs\\_qabs&t=1666798315603&u=%23p%3DtTKAj3m2SicJ](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=water+dispenser+yang+guna+sensor&btnG=#d=gs_qabs&t=1666798315603&u=%23p%3DtTKAj3m2SicJ)
3. [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=water+dispenser+yang+guna+ultrasonic+sensor&btnG=#d=gs\\_qabs&t=1666798541380&u=%23p%3DZXD2xGegb8cJ](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=water+dispenser+yang+guna+ultrasonic+sensor&btnG=#d=gs_qabs&t=1666798541380&u=%23p%3DZXD2xGegb8cJ)
4. [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=water+dispenser+yang+guna+submersible+water+pump&btnG=#d=gs\\_qabs&t=1666799440749&u=%23p%3D0xfy10jV1Z0J](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=water+dispenser+yang+guna+submersible+water+pump&btnG=#d=gs_qabs&t=1666799440749&u=%23p%3D0xfy10jV1Z0J)

## LAMPIRAN

Maklum Balas dari Responden				
<u>Soalan/jawapan</u>	Setuju		Tidak setuju	
	No	(%)	No	(%)
1. <u>Adakah</u> Water Dispenser ini dapat <u>menjimatkan</u> tenaga <u>kerja</u> ?	70	100%	0	0
2.Dengan adanya water dispenser pelanggan tidak perlu mengambil <u>masa</u> lama beratur Panjang untuk mengambil air percuma?	70	100%	0	0
3.pelanggan dapat mengambil air percuma dengan mudah apabila <u>menggunakan</u> Water Dispenser ini?	61	87.1%	9	12.9
4. <u>Isu</u> pembaziran air percuma dapat <u>dilakkan</u> dengan adanya water dispenser ini?	70	100%	0	0
5.Air percuma yang diisi di dalam gelas akan mengeluarkan bunyi apabila telah penuh?	70	100%	0	0
6. <u>Adakah</u> water dispenser ini mudah digunakan?	70	100%	0	0

7.Pekerja di Café Paksy tidak lagi mengambil <u>masa</u> yang lama untuk melayan karenah pelanggan	70	100%	0	0
8. <u>Adakah</u> bahan yang digunakan untuk menghasilkan produk ini <u>sesuai</u> dan <u>berkesan</u>	70	100%	0	0
9. <u>Adakah</u> mesin ini dapat <u>menjimatkan</u> kos pengeluaran bahan untuk membancuh air di Café Paksy	66	94.2%	4	5.8
10.Sepanjang penggunaan mesin water dispenser ini , adakah mesin ini <u>sesuai</u> diletakkan di Café Paksy?	70	100%	0	0



